

Malaysia tidak cemburu kemajuan Singapura

Um-16/2/2007

KUALA LUMPUR 15 Feb. – Malaysia tidak pernah cemburu dengan kemajuan negara lain kerana itu adalah hak mereka, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, yang lebih penting bagi Malaysia ialah memberi tumpuan kepada pembangunan dalam negara untuk mencapai kemajuan lebih besar.

“Itu hak mereka (kemajuan Singapura). Kita (Malaysia) sentiasa berusaha mencapai kemajuan lebih besar dalam semua bidang supaya dapat memenuhi visi.

“Kita tidak pernah cemburu dengan mana-mana negara jadi tidak perlu jadikan cemburu sebagai alasan,” katanya ketika diminta mengulas dakwaan beberapa Ahli Parlimen Singapura bahawa kemajuan negara berkenaan dicemburui oleh negara jiran.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam: Sains Islam Mendahului Zaman di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Cemburu

Dakwaan Singapura itu dibuat bagi menjawab soalan beberapa anggota Parlimen tentang ‘cemburu politik’ negara jiran terhadap pembangunan negara berkenaan.

Antara persoalan yang diajukan kepada Menteri Luar, George Yeo pada sidang Parlimen Isnin lalu ialah keperluan Singapura memperlambatkan pembangunannya bagi mengurangkan tekanan negara-negara jiran.

Najib menambah, setiap pembangunan yang dilakukan oleh Malaysia adalah bagi membela nasib rakyat dan bukan kerana mencemburui pembangunan negara jiran walaupun mereka jauh lebih maju.

Menyentuh tentang peranan Malaysia sebagai orang tengah bagi membantu menyelesaikan konflik Selatan Thailand, Najib berkata, sehingga kini belum ada permintaan rasmi dibuat oleh kerajaan negara berkenaan.

“Memang Perdana Menteri kedua-dua negara ada berbincang tentang isu berkenaan baru-baru ini tetapi belum ada permintaan rasmi bagi Malaysia menjadi orang tengah.

“Sepatutnya, permintaan akan dibuat nelalui kementerian luar,” katanya.

Beliau memberitahu, Malaysia walaupun bersedia membantu tetapi tidak akan mengambil sebarang langkah tanpa permintaan rasmi kerajaan Thailand.